



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum
Tahun 2020**

**BAHASA MELAYU
TINGKATAN 4**

KATA PENGANTAR



Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dijajarkan bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan akibat penularan koronavirus (COVID-19). Arahān PKP

telah membawa normal baharu dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya. Dapatan daripada beberapa tinjauan melalui media cetak dan elektronik menunjukkan bahawa PdP secara maya semasa tempoh PKP, tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan bersistematik. Implikasinya, wujud jurang pembelajaran antara murid. Hal demikian turut menjelaskan penguasaan kandungan, kemahiran dan nilai asas yang diperlukan oleh murid bagi meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya. Oleh itu, penjajaran kurikulum ini merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan kelangsungan pembelajaran murid berlaku.

Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM. Kandungan DSKP tersebut dibahagikan kepada Kandungan Asas, Kandungan Tambahan dan Kandungan Pelengkap.

Penjajaran kandungan kurikulum ini bertujuan memberi penekanan terhadap kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala kandungan tambahan dan kandungan pelengkap berperanan menyokong keseluruhan pembelajaran bagi kandungan sesuatu mata pelajaran melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran. Pendekatan pembelajaran teradun yang menggabungkan teknik pengajaran bersemuka dan tidak bersemuka menggunakan medium yang sesuai mampu menghasilkan PdP yang lebih fleksibel tanpa mengabaikan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Harapan Kementerian Pendidikan Malaysia agar guru dapat memastikan kandungan DSKP disampaikan kepada murid seterusnya merealisasikan hasrat dan matlamat mata pelajaran KSSM. Kementerian Pendidikan Malaysia juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penjajaran kandungan DSKP KSSM bagi kegunaan tahun 2020.

DATIN SRI HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR			
1.1 Mendengar, mengenal dan menyebut perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan serta intonasi ayat dalam pelbagai ujaran.		1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul.	
		1.1.2 Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai ujaran dengan betul.	
1.2 Mendengar dan memahami perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat dalam pelbagai ujaran.	1.2.1 Mendengar dan memberikan respons dengan mengutamakan aspek kejelasan, nada, dan kefasihan dengan betul.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.3 Mendengar dan memahami maklumat, fakta, idea dan hujah dalam pelbagai wacana dan memberikan respons.	1.3.1 Mendengar, menyebut semula dan menyusun fakta serta hujah daripada pelbagai situasi dengan betul, tepat dan bermakna.		
		1.3.2 Mendengar, menganalisis dan menerangkan maklumat daripada pelbagai wacana dengan betul dan bermakna.	
1.4 Berbicara tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi formal dan tidak formal.	1.4.1 Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara dalam perbualan santai secara bertatasusila.		
	1.4.2 Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara melalui ceramah, syarahan dan forum dengan yakin secara bertatasusila.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.5 Bersoal jawab tentang sesuatu perkara menggunakan pelbagai soalan.	1.5.1 Mengenal pasti jenis, kesesuaian soalan dan kesesuaian masa untuk mengemukakan soalan terhadap individu atau kelompok secara bertatasusila.		
	1.5.2 Mendengar dan menilai keseluruhan soalan serta memberikan respons yang betul secara berhemah dan bertatasusila.		
	1.5.3 Bersoal jawab dalam situasi untuk meningkatkan kebolehpasaran diri dalam bidang pendidikan dan kerjaya dengan yakin.		
1.6 Mempersembahkan maklumat secara lisan tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.	1.6.1 Menyampaikan maklumat yang betul dan tepat dalam bentuk pembentangan serta perbahasan dengan jelas dan intonasi yang sesuai secara bertatasusila.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara.	1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernes dan rasional tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.		
	1.7.2 Berunding untuk menyelesaikan masalah secara kritis dan rasional menggunakan bahasa yang santun.		
1.8 Mengulas sesuatu perkara, isu atau topik.	1.8.1 Merumus isu semasa dengan kritis dan bernes secara jelas menggunakan ayat yang betul dan gramatis.		
	1.8.2 Mengulas karya dengan menyatakan kekuatan dan kelemahan secara jelas, bernes dan kritis menggunakan ayat yang betul dan gramatis.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
KEMAHIRAN MEMBACA			
2.1 Membaca secara mekanis pelbagai bahan prosa dan puisi.		2.1.1 Membaca teks syarahan dan pidato dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepentasan yang wajar.	
	2.1.2 Membaca skrip drama dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai.		
2.2 Membaca untuk memahami makna perkataan, rangkai kata, istilah, serta ungkapan dan ayat dalam pelbagai bahan.	2.2.1 Membaca, mengenal pasti dan menjelaskan maklumat tersurat dan tersirat dengan betul daripada pelbagai bahan primer.		
2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan.	2.3.1 Membaca dan menilai bentuk serta kandungan teks daripada pelbagai bahan dengan betul dan tepat.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.3.2 Membaca dan membanding beza maklumat daripada pelbagai bahan teks dengan betul.			
2.3.3 Membaca dan membuat kesimpulan daripada bahan dengan betul.			
2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional.			
2.3.5 Membaca dan mengulas pandangan penulis secara rasional.			

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.4 Membaca secara ekstensif pelbagai bahan untuk mengukuhkan penguasaan bahasa dan meluaskan pengetahuan bagi pembangunan diri.	2.4.1 Membaca dan menghayati pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam pelbagai bidang.		
KEMAHIRAN MENULIS			
3.1 Menulis untuk menerangkan makna kata dan istilah, rangkai kata, ungkapan dan ayat.	3.1.1 Menulis untuk membina ayat dengan membezakan makna kata, istilah, maksud rangkai kata, dan ungkapan dengan betul mengikut konteks.		
3.2 Menulis untuk mengemukakan maklumat tentang sesuatu perkara.	3.2.1 Menulis untuk meramal sesuatu perkara yang dibaca, didengar dan ditonton dengan memberikan justifikasi menggunakan ayat yang gramatis.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.3 Menulis untuk melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan.		3.3.1 Menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan mengikut situasi dan keperluan.	
3.4 Menulis untuk menghasilkan sesuatu penulisan secara terancang.		3.4.1 Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang.	
	3.4.2 Menulis pelbagai jenis perenggan pendahuluan yang menepati tema menggunakan laras bahasa yang sesuai dan gramatis.		
	3.4.3 Menulis perenggan isi dengan huraian yang jelas dan kritis menggunakan bahasa yang gramatis.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	3.4.4 Menulis untuk membuat kesimpulan yang lengkap dan menepati tema menggunakan ayat yang gramatis dan ungkapan yang menarik.		
		3.4.5 Menulis untuk menghasilkan karangan dengan wacana yang lengkap, bahasa yang gramatis dan ungkapan yang menarik.	
3.5 Menulis untuk mengolah maklumat bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik.	3.5.1 Mengolah pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.		
	3.5.2 Mengolah maklumat daripada pelbagai bahan dalam bentuk grafik yang sesuai dan menarik.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.6 Mengedit dan memurnikan pelbagai teks.	3.6.1 Menganalisis kesalahan bahasa dan kejituuan idea dalam pelbagai teks.		
ASPEK SENI BAHASA			
4.1 Memahami dan mengapresiasi karya sastera.	4.1.1 Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.		
	4.1.2 Memahami dan mengapresiasi puisi moden dan puisi tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.		
4.2 Memahami dan menggunakan peribahasa dalam lisan dan penulisan.	4.2.1 Menggunakan peribahasa dan menghubung kait maksudnya dengan betul mengikut konteks.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.3 Menghasilkan karya kreatif dalam bentuk prosa dan puisi.	4.3.1 Menghasilkan skrip drama secara berpandu dengan menggunakan gaya bahasa yang sesuai dan menarik.		
	4.3.2 Menghasilkan seloka menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah dan bertatasusila.		
4.4 Mempersembahkan pelbagai prosa dan puisi secara kreatif.	4.4.1 Mempersembahkan sketsa dalam bentuk multimedia secara kreatif dan menarik.		
	4.4.2 Mempersembahkan syair dan pantun dengan nada dan intonasi yang sesuai menggunakan pelbagai media secara kreatif.		
	4.4.3 Mempersembahkan cerpen secara langsung dengan kreatif dan menarik.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
ASPEK TATABAHASA			
5.1 Memahami dan menggunakan bentuk kata yang sesuai dalam pelbagai bidang.		5.1.1 Mengenal pasti dan menggunakan bentuk kata tunggal dan kata majmuk dengan betul mengikut konteks.	
		5.1.2 Mengenal pasti dan menggunakan pelbagai kata terbitan dengan betul mengikut konteks.	
		5.1.3 Mengenal pasti dan menggunakan bentuk kata ganda dan akronim dengan betul mengikut konteks.	
5.2 Memahami dan menggunakan golongan kata yang sesuai dalam pelbagai bidang.			5.2.1 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata nama dengan betul mengikut konteks.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
			5.2.2 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata kerja dengan betul mengikut konteks.
			5.2.3 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata adjektif dengan betul mengikut konteks.
			5.2.4 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata tugas dengan betul mengikut konteks.
5.3 Memahami dan menggunakan ayat yang sesuai dalam pelbagai bidang.			5.3.1 Mengenal pasti dan menggunakan frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama dengan betul mengikut konteks.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
			5.3.2 Mengenal pasti dan menggunakan ayat dasar yang betul.
			5.3.3 Mengenal pasti dan menggunakan ayat tunggal susunan biasa dan susunan songsang, dan ayat majmuk yang betul mengikut konteks.
			5.3.4 Mengenal pasti dan menggunakan ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan yang betul mengikut konteks.

Panduan pelaksanaan

1. Guru disarankan agar mengutamakan SP pada ruang ASAS terlebih dahulu sebagai SP fokus dan mengabungjalinkan antara kemahiran tersebut.
2. Kemudian diikuti dengan SP pada ruangan SP Tambahan dan disusuli dengan SP dalam ruangan Pelengkap
3. Guru boleh memilih urutan SP mengikut kesesuaian dan tahap kemampuan murid.

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**